

# **POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT KEMENTERIAN PERTAHANAN**

---

- 1. PENGENALAN**
- 2. DEFINISI**
- 3. OBJEKTIF POLISI**
- 4. HURAIAN RINGKAS AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)**
- 5. TANGGUNGJAWAB AGENSI PENGUATKUASAAN**
- 6. ELEMEN UTAMA SEBAGAI PEMBERI MAKLUMAT**
- 7. PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR.**
- 8. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**
- 9. JENIS- JENIS PERLINDUNGAN**
- 10. PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**
- 11. SIASATAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN**
- 12. PERMOHONAN REMEDI**
- 13. TANGGUNGJAWAB**
- 14. MAKLUMAT KTW KEPADA UNIT INTEGRITI**
- 15. PROSEDUR ADUAN INTEGRITI**
- 16. KEPATUHAN POLISI**
- 17. TARIKH KUAT KUASA.**

## **POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

---

### **1. PENGENALAN**

- 1.1 Polisi Pemberian Maklumat ini bertujuan untuk menyokong secara langsung Visi, Misi, Objektif, Kod Etika dan Tadbir Urus Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan sentiasa mengharapkan warga Kementerian Pertahanan iaitu Pegawai dan Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan, Pegawai dan Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meletakkan nilai Integriti dan Amanah yang tinggi didalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.
- 1.2 Ia juga bertujuan untuk mengalakkan dan memudahkan warga Kementerian Pertahanan untuk menyalurkan dan mendedahkan maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di Kementerian Pertahanan.

### **2. DEFINISI**

Agensi Penguatkuasaan undang-undang(AP)	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Pemberian Maklumat Kementerian Pertahanan
Pemberi Maklumat(PM)	Mana-mana orang yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) atau seseorang yang membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan samada secara lisan atau bertulis.
Kelakuan Tidak Wajar(KTW)	Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.
Kesalahan Tatatertib	Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.
Kesalahan Jenayah	Apa- apa kesalahan yang dilakukan dalam badan awam yang melanggar peruntukan undang-undang yang ditetapkan
Maklumat Sulit	Maklumat Pemberi Maklumat berkaitan identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau

	beradanya akan dirahsiakan.
Tindakan Yang Memudaratkan(TYM)	Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan, ugutan, gangguan terhadap pekerjaan mana-mana orang
Mana-mana orang	Warga Kementerian Pertahanan
Remedi	Cara atau kaedah digunakan untuk atasi masalah

### 3. OBJEKTIF POLISI

3.1 Objektif Polisi Pemberian Maklumat adalah seperti berikut:

- a) menggalakkan mana-mana orang untuk tampil memberi maklumat berkaitan KTW;
- b) memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa perlindungan daripada TYM sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati(*good faith*); dan
- c) supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan KTW oleh mana-mana orang.

### 4. HURAIAN RINGKAS AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

- 4.1 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah, jenayah dan tatatertib.
- 4.2 Akta ini menggalak dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain serta mendapat perlindungan.
- 4.3 Akta ini turut memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.
- 4.4 Akta ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap

aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi Remedii.

## **5. TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI**

### 5.1 Unit Integriti.

- a) Menerima maklumat berkaitan KTW dan menguruskan laporan KTW serta membuat syor tindakan sewajarnya.
- b) Menjalankan siasatan ke atas laporan KTW apabila dikehendaki Pihak Pengurusan Kementerian.

## **6. ELEMEN UTAMA SEBAGAI PEMBERI MAKLUMAT**

- 6.1. Pemberi maklumat mempunyai pengetahuan mengenai maklumat kerana ia sendiri yang mengalami sendiri kelakuan tidak wajar tersebut atau dicerita atau diberitahu oleh orang lain yang pemberi maklumat yakin dan percaya kepadanya.
- 6.2. Membuat pendedahan kepada mana-mana agensi penguatkuasa (*no wrong door policy*) yang melaksanakan Akta 711 ini.
- 6.3. Bagi agensi yang tidak mempunyai kuasa untuk membuat penyiasatan terhadap sesuatu maklumat yang diterima boleh menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan.
- 6.4. Pendedahan tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain

## **7. PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR.**

- 7.1 Seksyen 6(1) AKTA 711 – Seseorang boleh membuat pendedahan KTW kepada mana-mana agensi penguatkuasaan berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW.

## **8. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

- 8.1. Di bawah Akta 711 pemberi maklumat yang layak diberi perlindungan adalah seperti berikut:-
- a) pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh pegawai yang diberi kuasa;
  - b) pemberi maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai yang diberi kuasa sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat.; dan
  - c) sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/emel/panggilan telefon/khidmat pesanan ringkas, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau boleh dihubungi.

## **9. JENIS- JENIS PERLINDUNGAN**

- 9.1. Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah. [Seksyen 7(1)(a) Akta 711]
- 9.2. Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut. [Sekyen 7(1)(b) Akta 711]
- 9.3. Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat. [Seksyen 7(1)(c) Akta 711]
- 9.4. Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan pemberi maklumat. [Seksyen 7(3) Akta 711]

## **10. PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

- 10.1 Pada saat pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar (aduan), dia sudah menikmati perlindungan di bawah Akta ini. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan di bawah seksyen 11 Akta ini. Antara sebab-sebab pembatalan perlindungan adalah seperti berikut:
- a) pemberi maklumat sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar itu;
  - b) pemberi maklumat sengaja membuat pernyataan palsu;
  - c) pendedahan adalah *remeh atau menyusahkan*;
  - d) pendedahan mempersoalkan merit dasar Kerajaan;
  - e) pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja/tindakan tatatertib yang lain; dan
  - f) pemberi maklumat telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini.

## **11. SIASATAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN**

- 11.1 Siasatan akan dibuat dan sesiapa yang terlibat dalam mengambil TYM terhadap PM seperti di bawah seksyen 10 [Akta 711], akan dikenakan tindakan seperti di bawah seksyen 10(6) [Akta 711].
- 11.2 TYM adalah seperti berikut:
- a) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
  - b) ugutan atau gangguan;
  - c) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian;
  - d) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iii).
- 11.3 Apabila selesai siasatan membuat penyiasatan terhadap apa-apa aduan TYM di bawah Akta ini, Unit Integriti hendaklah:
- a) Jika tiada kesalahan dibuktikan, PM hendaklah dimaklumkan dan tiada tindakan lanjut terhadap maklumat tersebut.

- b) Jika ada kesalahan Tatatertib, hendaklah mengemukakan kepada Seksyen Tatatertib.
- c) Jika ada kesalahan Jenayah, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Agensi Penguatkuasaan berkaitan.

## **12. PERMOHONAN REMEDI**

- 12.1 Apabila PM mendapat ancaman atau diambil TYM, beliau boleh meminta AP memohon remedi daripada mahkamah bagi mendapatkan seperti seksyen 15 [Akta 711].

## **13. TANGGUNGJAWAB**

- 13.1 Unit Integriti (Seksyen Aduan) bertanggungjawab menerima semua maklumat termasuk yang berkaitan dengan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Segala maklumat atau aduan ini akan diteliti dan tindakan lanjut akan diambil sewajarnya.

## **14. MAKLUMAT KTW KEPADA UNIT INTEGRITI.**

- 14.1 Sebarang maklumat yang hendak disalurkan hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut atau sebahagian daripada butiran-butiran berikut dan PM wajib mendedahkan dengan secara jujur dan suci hati (good faith):
  - a) Nama dan pekerjaan orang yang melakukan atau terlibat KTW.
  - b) Tempat atau dimana KTW itu berlaku.
  - c) Tarikh dan masa KTW itu berlaku
  - d) Apakah jenis KTW yang telah atau sedang atau akan berlaku.
  - e) Jika ada nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan bagaimana boleh dihubungi saksi-saksi tersebut.
  - f) Sokongan bukti berkaitan dengan KTW seperti dokumen-dokumen dan lain-lain.
- 14.2 Mana-mana staff, anggota dan pegawai Kementerian Pertahanan hendak memberi atau menyalurkan maklumat boleh dibuat melalui kehendak berikut:

- a) Hadir sendiri ke Unit Integriti Kementerian Pertahanan. Telefon (dalam waktu pejabat);
- b) Surat atau Emel;
- c) Boleh membuat pendedahaman KTW kepada mana-mana agensi penguatkuasaan jika memilih cara demikian;
- d)

\*Perkara a dan b menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, no.telefon, alamat PM untuk dihubungi oleh pegawai diberi kuasa.

## 15. PROSEDUR ADUAN INTEGRITI

15.1 Aduan boleh dibuat oleh Pegawai dan Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan serta Pegawai dan Anggota ATM, orang awam dan pihak luar yang berurusan dengan Kementerian Pertahanan menerusi kaedah-kaedah seperti berikut:

- a) Sistem Aduan Integriti Online Kementerian Pertahanan;
- b) Telefon;
- c) Surat;
- d) Emel; dan
- e) Hadir ke pejabat Unit Integriti.

15.2 Carta Alir Pengurusan Aduan adalah seperti di **Lampiran A**.

15.3 Pengurusan Aduan, Bahagian Integriti, Kementerian Pertahanan:

Sebarang aduan/maklumat berkenaan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, kelemahan sistem dan tatacara kerja dan kesalahan tatatertib warga Kementerian Pertahanan, boleh disalurkan melalui:

Alamat:

Seksyen Pengurusan Aduan  
Unit Integriti  
Kementerian Pertahanan  
Pintu 10.1, Aras 10  
Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

No Telefon (Pejabat) : 03-20712084/03-20598326  
Emel : [aduint@mod.gov.my](mailto:aduint@mod.gov.my)

Aduan Online : <http://aduanintegriti.mod.gov.my:8080/>

\*Pemberi maklumat boleh **hadir sendiri** di pejabat Unit Integriti, Wisma Pertahanan atau menghantar emel/surat atau mengisi aduan online dengan memberikan **identiti** yang lengkap.

## 16. KEPATUHAN POLISI


- 16.1 Polisi ini wajib dipatuhi oleh semua warga pegawai Kementerian Pertahanan.
- 16.2 Perlaksanaan polisi ini berbentuk ‘internal declaration’ dan dibacakan bersekali dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [APPM 2010] yang sedia berkuatkuasa.

## 17. TARIKH KUAT KUASA

- 17.1 Pelaksanaan Polisi Pemberian Maklumat atau ‘Whistleblowing Policy’ di Kementerian Pertahanan berkuatkuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.

*KEMENTERIAN PERTAHANAN mempunyai hak untuk meminda polisi ini dari semasa ke semasa.*

**CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN ADUAN (UMUM)**  
**UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PERTAHANAN**




**ADUAN MEMERLUKAN SIASATAN LANJUT.**

Pengadu akan dimaklumkan mengenai status aduan **setiap akhir bulan** sehingga kes selesai.


**CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN ADUAN KES GANGGUAN SEKSUAL**

**TIADA BUKTI PERTUDUHAN JELAS  
UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PERTAHANAN**



## **CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN ADUAN KES GANGGUAN SEKSUAL**

### **TIADA BUKTI PERTUDUHAN JELAS** **UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PERTAHANAN**



**CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN ADUAN KES GANGGUAN SEKSUAL**  
**WUJUD BUKTI JELAS**  
**UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PERTAHANAN**

